

09 FEB 1999

Mustapa-Francais

SEMUA SYARIKAT PEMBERI FRANCAIS WAJIB MENDAFTAR MULAI APRIL

KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- Semua syarikat pemberi francais (franchisor) diwajibkan mendaftar dengan Kementerian Pembangunan Usahawan mulai April ini apabila Akta Francais 1998 dikuatkuasakan.

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed hari ini berkata pendaftaran itu bukan sahaja pada nama syarikat, malah meliputi bidang, lokasi serta modal sesebuah syarikat itu.

Beliau berkata akta itu yang diluluskan pada persidangan Parlimen Oktober lepas bukan bertujuan menggonggong perniagaan francais tetapi bagi mengawalselia perniagaan jenis itu dan memastikan pembangunan industri tersebut berjalan dengan teratur dan terkawal.

Selain itu, katanya memandangkan perniagaan francais kini diberi keutamaan oleh kerajaan, adalah penting diwujudkan sebuah bank data yang lengkap mengenai setiap syarikat yang menawarkan perniagaan francais kepada orang ramai bagi mengawasi perkembangannya.

"Setakat ini cuma 470 franchisor yang berdaftar dengan kementerian, sedangkan terdapat lebih 2,000 syarikat yang menawarkan perniagaan francais dalam pelbagai bidang di seluruh negara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar dan pameran francais di Universiti Putra di Serdang dekat sini.

Mustapa berkata kemajuan bidang francais di Malaysia kini menarik minat sebuah restoran terbesar di Jepun, Skylark yang merancang membuka rangkaian restoran serta mengimport bahan makanan dari negara ini. Restoran itu mempunyai lebih 2,000 rangkaian di seluruh Jepun.

Katanya wakil syarikat itu baru-baru ini menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud dan beliau sendiri bagi kedua-dua tujuan itu.

Mengenai Tabung Usahawan Siswazah yang dilancar pada Jun 1997, Mustapa berkata sambutan siswazah amat dingin sungguhpun kerajaan memperuntukkan dana RM10 juta bagi tujuan itu.

Sehingga kini cuma 18 siswazah yang memohon dan daripada jumlah itu cuma lima permohonan yang diluluskan dengan pinjaman berjumlah RM400,000, katanya.

Menurutnya permohonan yang gagal kebanyakannya berpunca daripada cadangan projek yang tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan termasuk projek yang dianggap tidak berdaya maju.

Mustapa berkata sambutan dingin terhadap tabung itu mungkin disebabkan oleh kurangnya keyakinan dikalangan bekas siswazah untuk menceburi bidang perniagaan atau mungkin mereka telah mendapat tawaran pekerjaan daripada sektor awam atau swasta.

Beliau berkata tabung itu akan diteruskan walaupun kurang sambutan bagi menanam minat dikalangan siswazah untuk menceburi bidang perniagaan apabila mereka tamat pengajian masing-masing.

-- BERNAMA

AKT LAT